

KETAMADUNAN ISLAM DAN ADAT RESAM: KAJIAN AWAL TERHADAP PENERAPAN AMALAN-AMALAN SUNNAH DALAM MENYAMBUT KELAHIRAN BAYI

*Hajah Idahwati@'Irdina Nur'aidah binti Haji Idris
Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam*

Abstrak

Kajian ini mengkaji sejauh mana amalan-amalan sunnah dalam menyambut kelahiran bayi yang dipraktikkan oleh masyarakat Melayu Islam di Brunei. Kajian ini memberi penerangan tentang konsep kelahiran zuriat menurut Islam di Brunei yang dibincangkan secara terperinci. Selain itu, kajian penyelidikan Pengajian Tinggi Islam ini juga bertujuan untuk sama-sama membangunkan Tamadun Islam di Dunia Melayu. Di samping itu, kajian ini juga merangkumi konsep dan definisi adat dalam Islam, pengkategorian adat dalam masyarakat Melayu Islam di Brunei dan bentuk-bentuk adat menyambut bayi sama ada sebelum dan selepas kelahiran bayi. Menurut kepercayaan masyarakat ini, adat tradisi, petua dan pantang larang mempunyai makna dan tujuan yang baik. Justeru, amalan adat mesti dipatuhi bagi mengelakkan sebarang musibah atau perkara yang tidak diinginkan kepada si ibu atau si anak. Adat kelahiran yang menjadi amalan masyarakat Islam Brunei mempunyai tiga peringkat iaitu adat sebelum kelahiran, adat selepas melahirkan anak, dan amalan-amalan sunnah menyambut kelahiran bayi. Analisis ini dilakukan secara lebih terperinci berdasarkan borang kaji selidik, temu bual serta pemerhatian yang dilakukan ke atas responden yang terdiri daripada bidan kampung, guru agama, perawat spa lepas bersalin dan lain-lain lagi. Dapatan hasil kajian ini mendapati kebanyakan amalan adat menyambut kelahiran bayi di Brunei tidak menampakkan unsur-unsur percanggahan dengan ajaran Islam jika dilihat melalui persepsi falsafah, kesihatan dan penjagaan bukannya kepercayaan. Kebanyakan masyarakat Islam Brunei mengamalkan sunnah menyambut kelahiran bayi namun ada juga sebahagiannya yang bercampur dengan adat resam, pantang larang dan sebagainya.

Kata kunci: Amalan sunnah, kelahiran bayi, adat dalam Islam, masyarakat Islam Brunei

Abstract

This study examines the extent to which the practices of the sunnah in celebrating the birth of the baby which is practiced by the Malay community of Islam in Brunei. This study gives a description about the concept of the birth of the offspring according to the Muslims in Brunei are discussed in detail. Besides, the study of the investigation of Islamic Higher Learning is also intended to develop the Islamic civilization in the world of Malay. In addition, this study also includes the concept and definition of custom in Islam, the categorization of custom in the Malay community of Islam in Brunei and shape-custom shape welcome baby either before and after the birth of the baby. According to the beliefs of this society, traditional customs, precepts and taboos have meaning and a good purpose. Thus, a customary practice must be observed in order to avoid any misfortune or unwanted things to the mother or the child. Custom birth of a be the practice of the Muslim community of Brunei has three levels namely the custom before the birth, the custom after giving birth, and the practices of sunnah celebrate the birth of the baby. This analysis is done in more detail based on the form of surveys, interviews as well as observations performed on the respondents which consists of the village midwife, a religious teacher, a nurse spa after childbirth and many others. Findings the results of this study found that most practice the custom of celebrating the birth of a baby in Brunei has not appeared the elements of the contradiction with the teachings of Islam if viewed through the perception of the philosophy, health and care rather than belief. Most of the Muslim community of Brunei practice of sunnah in celebrate the birth of the baby, however there are also partially mixed with the customs, taboos and so on.

Keywords: Practices of the sunnah, baby birth, custom in Islam, Muslim community of Brunei.

PENDAHULUAN

Setiap pasangan mempunyai keinginan untuk menimang cahaya mata hasil dari perkongsian hidup suami isteri. Ini kerana kelahiran zuriat merupakan penyambung kasih sayang antara suami isteri yang telah diijab-kabulkan. Kelahiran zuriat adalah perkara yang dititikberatkan oleh Islam dan penganutnya kerana ia merupakan nadi dalam pembangunan sesebuah ummah. Nabi Muhammad S.A.W menginginkan pembangunan umat Islam yang sangat utuh seperti mana yang digambarkan oleh baginda melalui gesaannya terhadap pemilihan bakal isteri sebelum berlangsungnya perkahwinan.¹

Adat merupakan peraturan yang sudah diamalkan turun temurun (sejak dahulu kala) di dalam sesuatu masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi).² Manakala, berdasarkan Kamus Istilah Fiqih, adat membawa maksud himpunan kaedah sosial dalam masyarakat luas, tidak termasuk hukum syara' (agama).³ Kaedah-kaedah tersebut dipatuhi dan ditaati oleh seluruh lapisan masyarakat, seolah-olah ia merupakan kehendak atau peraturan warisan nenek moyang mereka, atau pun suatu keharusan yang bersumber dari Tuhan. Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu turut menjelaskan pengertian adat sebagai peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun dalam sesuatu masyarakat sehingga merupakan hukum yang harus dipatuhi. Perkataan 'adat' berasal daripada bahasa Arab bermaksud 'kebiasaan zaman pra-Islam yang diterima oleh Islam'.⁴ Adat merupakan suatu bentuk tingkah laku dan cara manusia berfikir yang telah wujud dan diamalkan sebegitu lama sehingga dianggap sebagai satu tradisi. Hal ini termasuklah cara hidup sehari-hari dan pola-pola budaya yang jelas dilihat melalui kekerapan amalannya (Norazit Selat, 1989).⁵ Berdasarkan definisi tersebut, maka bolehlah difahami bahawa adat merupakan satu warisan turun-temurun sesuatu kaum, yang mana pengamalannya mencakupi semua aspek kehidupan sesebuah masyarakat.

Masyarakat Melayu sarat dengan amalan dan tradisi yang diwarisi secara turun temurun. Antaranya dalam adat kelahiran, terdapat pelbagai upacara yang mewarnainya bermula di alam rahim sehingga dilahirkan di

¹ Ibn Qayyim al-Jawzi (1995), *Tuhfat al-Mawdud Bi Ihkami al-Mawlund*, cet.1. Beirut: Dar-al-Khair, h .23.

² Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

³ Kamus Istilah Fiqih, M.Abdul Mujieb, Mamruri Tholhah dan Syafi'ah Am, Advance Publication, (1997.)

⁴ Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, Dewan Bahasa Dan Pustaka , Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999.

⁵ Norazit Selat. (1989). *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

dunia.⁶ Bagaimanapun, dalam konteks “Melayu” sebagai suatu bangsa, ia kelihatan bukanlah sesuatu yang sangat istimewa kerana pada umumnya, Melayu di Negara Brunei Darussalam diwakili oleh 7 puak yang membentuk kebangsaan Negara Brunei Darussalam terdiri daripada Melayu Brunei, Belait, Tutong, Kedayan, Visayak, Dusun dan Murut. Dalam konteks Islam dan budaya beragama, 4 puak Melayu sahaja iaitu mereka pula terdiri daripada Melayu Brunei, Belait, Tutong dan Kedayan yang dikatakan Muslim dan menjadikan Islam sebagai cara hidup mereka berbanding yang lain. Manakala Melayu yang lain seperti Visayak, Dusun dan Murut masih mengekalkan tradisi dan budaya mereka berdasarkan agama dan kepercayaan mereka, dan mereka dianggap sebagai Non-Muslim. Dengan kata-kata lain, “Melayu” bukanlah semestinya merujuk kepada orang-orang yang menjadikan Islam sebagai cara hidup mereka atau *Muslim* meliputi semua aspek.⁷

Masyarakat Islam Brunei kaya dengan budaya dan adat dari fasa kelahiran sehinggalah fasa kematian. Adat yang diwarisi turun-temurun mempunyai kedudukan yang tinggi. Oleh itu, adat merupakan suatu kelaziman yang diterima pakai dalam masyarakat dan dianggap sebagai peraturan hidup.⁸ Hal ini termasuklah segala suruhan atau pantang larang. Senario ini berlaku apabila sesuatu peristiwa terjadi, manusia cenderung menghubungkaitkannya dengan apa yang pernah dialami pada masa lalu.⁹ Apabila ia berulang kali terjadi, akhirnya menjadi panduan dan amalan yang diwarisi dari generasi turun temurun. Antaranya adalah adat yang berkaitan dengan kelahiran. Antara adat yang signifikan yang menjadi amalan masyarakat Islam Brunei adalah berkaitan dengan pengurusan plasenta atau uri, bertungku, majlis mandi Belawat dan banyak lagi dalam adat kelahiran anak. Ia diuruskan dengan pelbagai prosedur, pantang larang, petua dan kepercayaan.

Demikian itu, objektif utama kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana pemahaman dan pengamalan sunnah masyarakat Islam Brunei dalam menyambut kelahiran bayi dan mengkaji pemahaman masyarakat terhadap apa yang diamalkannya adalah sunnah atau adat. Disamping itu juga, kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti samada kombinasi mengamalkan sunnah dan

⁶ Hamidah Abdul Wahab(2013). “Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak”, *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 1(1), 89 – 97.

⁷ Wan Zailan Kamaruddin Bin Wan Ali & Ahmad Zuhdi Bin Ismail Masyarakat Muslim Di Negara Brunei Darussalam: Kajian Mengenai Isu dan Cabaran Dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi, 4.

⁸ Mohd Anuar Ramli (2006). “Instrumen ‘Urf Dan Adat Melayu Sebagai Asas Penetapan Hukum Semasa Di Malaysia”, *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 253-289.

⁹ Hans J. Daeng (2008). *Manusia, Kebudayaan dan Lingkungan*. cet. 3, Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

adat itu bercanggah dengan agama atau tidak serta memberi pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat Brunei tentang perbezaan antara sunnah dan adat. Pada masa yang sama, kajian ini diharap dapat menyumbang kepada perkembangan Tamadun Islam di Dunia Melayu.

Adat Menyambut Kelahiran Dalam Masyarakat Islam Brunei

Agama Islam menggalakkan umatnya agar mengucapkan tahniah terutama kepada saudara seagama setelah mereka mendapat kurniaan dan nikmat daripada Allah S.W.T. Ini dapat menanamkan kesedaran dan perasaan tanggungjawab sesama mukmin. Sikap sedemikian dapat dilihat berdasarkan kepada sirah Rasulullah S.A.W di saat kelahiran Baginda.¹⁰ Melahirkan rasa gembira serta ucapan tahniah perlu meliputi setiap anak yang dilahirkan tanpa mengira jantina samada lelaki ataupun perempuan. Sebagai umat Islam, kita perlu menghidupkan amalan sunnah yang mulia ini supaya hubungan diantara sesama mukmin akan menjadi lebih erat dan rapat. Adat menyambut kelahiran di kalangan masyarakat Brunei boleh dikategorikan kepada dua peringkat iaitu adat sebelum dan selepas kelahiran. Amalan adat-adat sebelum kelahiran lebih tertumpu kepada adat-adat penjagaan ibu dan bayi dan juga amalan agar mudah bersalin. Manakala adat-adat selepas bersalin yang sering diamalkan lebih memberi fokus kepada adat-adat untuk pemulihan kesihatan ibu, penjagaan diri dan juga adat-adat yang berkait rapat dengan ajaran agama yang mengikut sunnah.

Terdapat pelbagai adat yang diamalkan mengikut sunnah seperti adat bertahniah, menamakan anak, mencukur rambut di kepala bayi, berkhitan dan sebagainya. Setiap upacara yang dijalankan mempunyai kepentingannya tersendiri. Namun begitu, adat resam ini semakin hari semakin lupus ditelan peredaran zaman moden kini

Adat-adat Sebelum Kelahiran Bayi

Banyak pantang larang yang melibatkan kedua-dua belah pihak sama ada si suami atau si isteri dan juga petua-petua orang Melayu yang berkaitan dengan kehamilan. Pantang larang ini terjadi disebabkan oleh kepekaan masyarakat Melayu yang dahulu kala tentang penjagaan kesihatan ke atas ibu dan bayi. Perlakuan ini mungkin pada mulanya secara kebetulan mempunyai kesan ke atas kesihatan seseorang yang mengamalkannya melalui pengalaman dan amalan yang berterusan yang kemudian menjadi suatu norma masyarakat. Terdapat banyak pantang larang sama ada pada perlakuan, perkataan dan juga makanan. Semua ini perlu dipatuhi oleh si ibu demi keselamatan dan

¹⁰ Ibn Hajar al-‘Asqalani (1995), Fath al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari, jilid 9, cet.1.Qaherah: Dar al-RIyan li al-Thurath, no. hadith 2418, Al-Nawawi, no.hadith 2769.

kesejahteraan ibu dan bayi. Seorang isteri digalakkan mengandung dalam keadaan yang ideal. Di mana pasangan perlu melakukan persetubuhan ketika badan pasangan itu berada dalam keadaan sejuk, suatu keadaan yang wujud sekali sebulan iaitu pada mana-mana hari pada sembilan hari pertama tiap-tiap bulan Islam.¹¹

Di antara pantang larang yang masih dipegang teguh ialah menjauhkan diri daripada melakukan larangan-larangan yang boleh menyebabkan kenan. Kenan dipercayai boleh terjadi akibat daripada perbuatan membunuh atau menyeksa binatang ataupun ketika melakukan sesuatu perbuatan yang bukan bersifat membunuh atau menyeksa, tetapi si pelaku lupa yang dirinya sedang mengandung.¹² Amalan lain yang sering dilakukan ialah pantang larang terhadap makanan. Pantang larang makanan dikenakan pada waktu-waktu tertentu khususnya saat-saat genting dalam hidup seperti waktu sakit ataupun sewaktu nyawa terancam seperti bersalin. Pantang larang ini juga dikenakan di waktu seseorang individu berada dalam keadaan 'liminal' yakni diantara dua alam.¹³ Bagi pantang larang dalam percakapan atau pertuturan pula, si ibu dan bapa ditegah daripada bertutur dengan perkataan yang kurang baik atau tidak sopan sama ada pada haiwan ataupun manusia dari peringkat awal kehamilan sehingga tiba saat kelahiran.

Selain itu, antara adat yang dijalankan semasa mengandung ialah mengurut perut ibu yang mengandung yang dilakukan oleh orang tua yang mahir dalam bidang tersebut. Urutan tersebut dapat mengelakkan kedudukan bayi songsang dan mengelakkan ketegangan rahim ibu. Dengan ini, urutan tradisional mampu memudahkan proses sewaktu bersalin. Terdapat juga amalan yang diamalkan oleh masyarakat Brunei untuk memastikan agar proses kelahiran bayi berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah antaranya ialah pengambilan air atau minyak selusuh, pengamalan doa-doa, wirid, bacaan doa selamat dan persediaan kelengkapan bersalin. Biasanya air selusuh digunakan untuk memudahkan kelahiran bayi sekiranya ia berada pada posisi normal dan jika bayi itu songsang, air dan minyak selusuh disediakan untuk diminum agar kandungan beralih pada posisi normal.

Adat-adat Selepas Kelahiran Bayi

Pada setiap kelahiran bayi, Islam menganjurkan umatnya agar segera memperdengarkan azan dengan suara yang rendah ditelinga kanan dan iqamah

¹¹ Hasim Awang. AR, (2000), Keuzuran dan Kesihatan, cet.1. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h.99.

¹² Amran Kaimin (1995), Penjagaan bayi dan ibu dalam pantang, cet.1.Kuala Lumpur: Dinie Publisher, h.57.

¹³ Hasim Awang AR (1988), Fenomena, Sri Penerbitan Jab. Pengajian Melayu, cet.1.bil6, h.39.

di telinga kiri.¹⁴ Ini kerana azan dan iqamah dapat menghindarkan diri bayi tersebut daripada gangguan syaitan antaranya ‘Ummu Sibyan’. Secara jelasnya, syaitan akan lari apabila mendengar azan yang sememangnya sebelum itu ia menunggu sehingga waktu kelahiran bayi tersebut.¹⁵ Pakar psikologi menjadikan bunyi sebagai salah satu elemen yang boleh memberikan rangsangan kepada bayi. Justeru itu, azan dan iqamah merupakan bunyi yang menjurus kepada seruan dakwah untuk mentauhidkan Allah dan tidak kepada selain daripada-Nya.

Setelah bayi dilahirkan, adat yang akan dijalankan ialah adat bertahnik iaitu memberi manisan seperti madu dan buah tamar. Mengikut kajian saintifik, perbuatan memasukkan makanan yang manis ke dalam mulut bayi boleh menguatkan urat-urat mulut dengan gerakan lidah semasa melakukan tahnik dan menggosokkan gusi bagi menyediakan bayi untuk menghisap susu ibunya dengan secara tabie dan kuat.¹⁶ Kebiasaannya tahnik dilakukan oleh orang yang soleh, berilmu dan mulia serta mendoakan bayi tersebut agar mendapat keberkatan kepada si anak.¹⁷ Bertahnik merupakan salah satu daripada sunnah Rasulullah S.A.W. yang khusus dan seharusnya dijadikan satu amalan dalam kehidupan setiap kali menyambut kelahiran bayi.

Kemudian, adat selepas kelahiran ialah memberi nama kepada bayi dengan nama-nama yang indah serta mempunyai makna yang baik. Islam sangat menitikberatkan tentang tanggungjawab dalam memberikan nama kepada anak. Panggilan nama anak juga dianggap sebagai doa yang berisi harapan daripada orang yang memberi nama.¹⁸ Demikian itu, ibu bapa memainkan peranan besar dalam menamakan anaknya dengan nama yang baik dan elok maknanya. Pemberian nama adalah cerminan keperibadian dan kemantapan pendidikan agama terhadap pemberinya.¹⁹

Kebiasaannya adat bercukur jambul serta aqiqah akan dijalankan selepas ibu bersalin habis berpantang selama 44 hari. Mencukur rambut bayi yang baru lahir adalah untuk membuang rambut bayi yang terkena darah rahim

¹⁴ Abd Allah Nasih ‘Ulwan, (1893), *Tarbiyat Awlad Fi-Islam*, Juz 1, Beirut: Dar al Salam, h. 69.

¹⁵ Ibn. Qayyim, *Syam al-Din Abi Abdullah* (2001). *Ighasatul al-Lafhan Min Mashayidi al-Saitan*. C1. Beirut: Dar al-Salam.

¹⁶ Al-Asqalani, *Fath,al-Bari* ,Jld.9,h. 587.

¹⁷ Al-Aini, *Badr al-Din Abu Muhammad Ibn Ahmad*, (t.t), *Umdah al-Qari,Syarah al-Bukhari*, Jld.2,al-Qaherah: Dar al-Fikr, h. 84.

¹⁸ M. Talib, (1991), *Nilai Laki-laki dalam Islam*, cet. Yogyakarta: Pustaka LSI-Pustaka al-Khawthar, h.99, Ibn al-Qayyim, h.76.

¹⁹ Ahmad Rafei Ayudin(1994), *Menyambut Kelahiran Zuriat*, cet. 2. Kuala Lumpur: al-Kuthar, h.78

ibu ketika dilahirkan kerana dikhuatiri boleh mendatangkan penyakit kepada si bayi tersebut. Manakala dari perspektif kemasyarakatan pula, amalan bersedekah perak mengikut berat timbangan rambut bayi itu merupakan salah satu sumber takaful dalam sesebuah masyarakat. Majlis aqiqah pula diadakan sebagai tanda gembira dengan kelahiran anak yang baru. Selain itu, aqiqah juga memberi kesan terhadap masyarakat di mana ia dapat menguatkan ikatan sosial dan sekaligus membantu mengurangi kemiskinan dalam masyarakat Islam.²⁰

Setelah itu, adat berkhatan untuk bayi perempuan akan dijalankan. Berkhatan adalah salah satu keutamaan agama yang disyariatkan Allah kepada hambanya. Berkhatan harus dilakukan semata-mata untuk membersihkan anak. Kemaluan merupakan tempat najis yang harus dibersihkan. Berkhatan juga telah digariskan oleh Islam melalui sunnah Rasulullah S.A.W.²¹ Khatan bagi kanak-kanak lelaki ialah dengan membuang kulit *hasfah*. Manakala mengkhatan bayi perempuan menurut pendapat sebahagian besar ahli fiqh adalah hanya dengan membuang seminima mungkin iaitu dengan memotong sedikit hujung kelentit yang terdapat dibahagian bibir kemaluan bayi perempuan tersebut.²²

Terdapat banyak adat dan pantang larang berkaitan dengan kelahiran telah dilupakan dan tidak diamalkan lagi. Antaranya ialah berkaitan dengan tingkah laku. Pada zaman dahulu, dikatakan tingkah laku ibu dan bapa akan memberi kesan dan akan berjangkit kepada bayi yang bakal dilahirkan. Contohnya, dengan melakukan perkara berikut dikatakan akan memberi kesan kepada bayi ialah duduk secara terkangkang, makan sambil berdiri dan ketawa terbahak-bahak dan lain-lain lagi. Namun, masyarakat sekarang telah didedahkan dengan ilmu agama Islam yang lebih mendalam. Setiap perkara yang berlaku dalam hidup dan pembentukan watak seseorang adalah takdir Allah. Anak yang cacat atau tidak sempurna sifatnya adalah ketentuan Ilahi.

SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Objektif kajian: jian ini memfokuskan untuk mengenalpasti sejauh mana pemahaman masyarakat Brunei tentang sunnah dan pengamalannya dalam menyambut kelahiran bayi. Secara khusus, fokus utama kajian ini tertumpu kepada:- 1) Bentuk adat dan pantang larang yang masih diamalkan oleh ibu-ibu mahupun bapa sebelum dan selepas bersalin dalam masyarakat Islam Brunei, 2) Amalan-amalan yang menepati sunnah Rasulullah S.A.W dan juga bentuk-bentuk penambahan kepada sunnah yang telah dibawa oleh

²⁰ Al-Misr, Nasy'at (1989), Menyambut Kedatangan bayi, Kuala Lumpur: Syarikat S. Abdul Majeed, h. 55.

²¹ 'Abd Allah Nasih 'Ulwan (1992), Tarbiatul al-Awlad fi Islam, 4 j.c.1 Beirut: Dar al-Salam

²² Al-Albani, Muhamad Nasr al-Din, (1985) Salsilah al-Ahadith al-Sahihah, Jld.2, cet.1. Dasyiq: Maktbah al-Islamiyah.

baginda dalam merealisasikan Islam di bumi Allah ini, 3) Latar belakang tiga status kumpulan sasar iaitu berpendidikan rendah, sederhana dan tinggi. Kajian ini juga menumpukan kepada data-data dan maklumat yang diperolehi dari responden yang terlibat secara langsung dengan adat-adat kelahiran seperti bidan-bidan kampung, guru agama dan perawat spa lepas bersalin. Metodologi kajian menggunakan tinjauan kepustakaan dengan merujuk dan melakukan analisis serta pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai hubungan persoalan yang dikaji seperti Al-Quran, al-Hadith, buku ilmiah, jurnal berwasit dan lain-lain sumber. Kaedah borang soal selidik juga dilakukan oleh pengkaji dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 45 orang responden untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan kajian. Pengkaji menggunakan analisis data secara berkomputer dengan menggunakan program *SPSS versi 20.0 (Statistical Package For The Social Sciences)* untuk mendapatkan keputusan analisis yang lebih tepat.

HASIL PENELITIAN

Hasil penelitian utama dalam kajian ini dilakukan berdasarkan maklum balas yang telah diterima daripada 45 orang responden. Pembolehubah yang diambil kira dalam membentuk soal selidik berkenaan ialah latarbelakang responden yang melibatkan jantina, tahap umur, status, pekerjaan, bilangan anak dan tahap akademik. Dalam menghuraikan masalah latar belakang responden, pengkaji mengambil kira mereka yang telah berkahwin dan mempunyai anak.

Demografi Responden

Jantina Responden

Daripada 45 responden, terdapat 6 orang (13.3%) lelaki dan 39 orang (86.7%) perempuan. Jumlah ini menunjukkan bahawa bilangan responden perempuan lebih ramai berbanding lelaki memandangkan pengamalan adat-adat ini lebih tertumpu kepada kaum wanita. Tambahan pula, wanita terlibat secara langsung dan berpengalaman menjadi seorang ibu dan nenek kepada bayi atau cucu yang dilahirkan. Ini jelas dapat dilihat berdasarkan Jadual 1.0.

Jadual 1.0: Pembahagian Responden Berdasarkan Jantina.

Jantina	Bilangan Responden	Peratus (%)
Lelaki	6	13.30
Perempuan	39	86.70
Jumlah	45	100

Umur responden

Dari sudut tahap umur responden, didapati mereka yang berumur 0 hingga 20 tahun tiada yang memberikan respons, 21 tahun hingga 30 tahun ialah 5 orang (11.1%), 31 hingga 40 tahun pula 21 orang (46.7%), manakala 16 orang (35.6%) adalah mereka yang berumur 41 hingga 50 tahun dan 3 orang (6.7%) adalah mereka yang berumur 51 tahun ke atas berdasarkan Jadual 2.0.

Jadual 2.0 : Pembahagian Responden Berdasarkan Umur

Umur	Bilangan responden	Peratus (%)
0-20	0	0
21-30	5	11.1
31-40	21	46.7
41-50	16	35.6
51 ke atas	3	6.7
Jumlah	45	100

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa tahap usia menjadi ukuran dalam mengamalkan adat menyambut kelahiran bayi. Mengikuti hemah pengkaji, mereka yang berusia 31 tahun ke atas lebih gemar mengamalkan adat resam ibunda mereka berbanding mereka yang lain. Dengan itu jelaslah bahawa tahap umur yang sedemikian itu masih juga mewarisi peninggalan nenek moyang mereka. Manakala tahap umur 21 hingga 30 tahun nampaknya kurang berminat disebabkan arus budaya kemodenan dan mungkin juga kesan daripada pendidikan samada formal atau tidak. Golongan yang berumur 0 hingga 20 tahun tiada yang memberi maklum balas kerana mereka tiada pengalaman dalam mengamalkan adat kelahiran bayi dan masih berstatus bujang.

Justeru itu, boleh dikatakan tahap umur menjadi bahan pengukur kepada seseorang dalam mengamalkan warisan ibunda mereka semasa menyambut kelahiran seorang bayi. Jika dilihat dari sudut keilmuan pula, kaum muda lebih terpelajar dan berilmu berbanding dengan kaum tua. Oleh itu, penulis mendapati bahawa kaum tua lebih ramai mengamalkan adat menyambut kelahiran bayi.

Status responden

Berdasarkan Jadual 3.0, seramai 44 orang bersamaan 97.8% sudah membina rumah tangga manakala seorang (2.2%) yang berstatus duda/janda/balu. Namun begitu mereka yang bujang tiada yang memberi maklum balas untuk soal selidik yang telah dilakukan kerana tiada pengetahuan yang jelas dan pengalaman tentang adat dalam menyambut kelahiran bayi. Golongan yang telah berkahwin memberi maklum balas yang tertinggi. Fenomena ini berlaku kerana disebabkan oleh mereka yang telah berkahwin

dan mempunyai anak mempunyai pengalaman mengenai adat menyambut kelahiran bayi.

Jadual 3.0 : Pembahagian Responden Berdasarkan Status

Status	Bilangan	Peratus (%)
Bujang	0	0
Berkahwin	44	97.8
Duda/Janda/Balu	1	2.2
Jumlah	45	100

Pekerjaan responden

Jadual 4.0 memaparkan kategori pekerjaan yang mana terdapat 37 orang (82.2%) daripada kakitangan kerajaan, 6 orang (13.3%) pegawai kakitangan daripada sektor swasta dan 2 orang (4.4%) daripada responden yang tidak bekerja atau suri rumah tangga. Manakala bagi kategori bekerja sendiri dan pelajar tiada maklum balas yang diperolehi. Ini disebabkan oleh mereka yang bekerja sendiri dan pelajar enggan menjawab soal selidik yang telah dilakukan. Pengkaji mendapati status pekerjaan mempengaruhi para responden dalam mengamalkan adat menyambut kelahiran bayi. Ini kerana, golongan yang bekerja dalam sektor awam lebih cenderung untuk mengamalkan adat menyambut kelahiran bayi berbanding dengan mereka yang lain. Pekerjaan memainkan peranan penting dalam menentukan kedudukan status sosio-ekonomi sesebuah keluarga.

Jadual 4.0 : Pembahagian Responden Berdasarkan Pekerjaan

Pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Kakitangan Kerajaan	37	82.2
Swasta	6	13.3
Bekerja Sendiri	0	0
Tidak Bekerja/ Suri Rumah Tangga	2	4.4
Pelajar	0	0
Jumlah	45	100

Bilangan anak responden

Daripada Jadual 5.0 menunjukkan bahawa jumlah responden yang mempunyai seorang, 3orang dan 4 orang anak adalah sebanyak 9 orang (20%) setiap satunya, 2orang anak (17.8%) dan 5 orang ke atas sebanyak 10 orang (22.2%). Daripada pengamatan, penulis mendapati bahawa sekali imbas bilangan anak tidak mempengaruhi para responden dalam mengamalkan adat menyambut kelahiran bayi.

Jadual 5.0 : Pembahagian Responden Berdasarkan Bilangan Anak

Bilangan Anak (Orang)	Bilangan	Peratus (%)
1	9	20
2	8	17.8
3	9	20
4	9	20
5 ke atas	10	22.2
Jumlah	45	100

Tahap akademik responden

Responden mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza-beza. Tiada responden daripada mereka yang mempunyai latar belakang Pendidikan di peringkat rendah iaitu PMB. Namun begitu, responden yang mempunyai latar belakang Pendidikan diperingkat O' level seramai 5 orang (11.1%), A' level seramai 3 orang (6.7%), diploma sebanyak 7 orang (15.6%). Manakala diperingkat tinggi iaitu lepasan Sarjana muda (Degree) seramai 20 orang (44.4%), sarjana (Master) seramai 9 orang (20%) dan seorang (2.2%) yang mempunyai tahap akademik PhD. Didapati bahawa golongan yang mempunyai tahap akademik sarjana muda lebih ramai berbanding tahap akademik responden yang lain. Ini menunjukkan pada hemah pengkaji, golongan berpendidikan tinggi adalah di antara responden yang paling ramai mengamalkan adat resam nenek moyang mereka.

Jadual 6.0 : Pembahagian Responden Berdasarkan Tahap Akademik

Tahap Akademik	Bilangan	Peratus (%)
PMB	0	0
O' Level	5	11.1
A' Level	3	6.7
Diploma	7	15.6
Sarjana Muda (Degree)	20	44.4
Sarjana (Master)	9	20
PhD	1	2.2
Jumlah	45	100

Amalan-amalan Sunnah Dalam Menyambut Kelahiran Bayi Di Kalangan Masyarakat Brunei

Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik bagi mengukur tahap pemahaman dan pengamalan responden mengikut skala 1 hingga 5 di mana 1- Sangat Tidak Setuju, 2- Tidak Setuju, 3- Neutral, 4- Setuju, 5- Sangat Setuju. Pengkaji menggunakan skala sangat setuju kepada respons yang sangat bersetuju bahawa adat tersebut mengikut sunnah, manakala neutral untuk respons yang tidak pasti membuat amalan tersebut mengikut sunnah atau mengikut cakap keluarga atau orang tua atau mengamalkannya mengikut kebiasaan masyarakat Brunei lakukan dan sangat tidak setuju kepada jawapan respons yang sangat tidak mengikut amalan sunnah yang sebenar. Berikut adalah dapatan data yang diperolehi dari jawapan responden.

Jadual 7.0: Dapatan Dan Analisis Data Berdasarkan Amalan-amalan Sunnah Dalam Menyambut Kelahiran Bayi Di Kalangan Masyarakat Brunei

	Perkara	1	2	3	4	5	Min
1	Mengetahui perkara-perkara sunnah yang dianjurkan oleh Islam dalam menyambut kelahiran bayi.	0	0	6 (13.3%)	19 (42.2%)	20 (44.4%)	4.29
2	Mengazankan anak setelah dilahirkan.	0	0	0	0	45 (100%)	5.00
3	Mentahnikkan anak	0	0	2 (4.4%)	3 (6.7%)	40 (88.9%)	4.84
4	Mencukur keseluruhan rambut anak pada hari ke tujuh kelahirannya.	0	4 (8.9%)	12 (26.7%)	12 (26.7%)	17 (37.8%)	4.04
5	Rambut bayi yang dicukur, ditimbang dan disamakan dengan nilai perak atau emas, kemudian	4 (8.9%)	2 (4.4%)	16 (35.6%)	7 (15.6%)	16 (35.6%)	3.69

KETAMADUNAN ISLAM DAN ADAT RESAM: KAJIAN AWAL TERHADAP PENERAPAN
AMALAN-AMALAN SUNNAH DALAM MENYAMBUT KELAHIRAN BAYI

	disedekahkan kepada fakir miskin.						
6	Memberikan nama yang baik kepada anak.	0	0	0	0	45 (100%)	5.00
7	Melaksanakan aqiqah pada hari ke tujuh kelahiran/ sebelum anak baligh.	2 (4.4%)	3 (6.7%)	7 (15.6%)	10 (22.2%)	23 (51.1%)	4.06
8	Anak dikhitan/ khatan/ disunat.	1 (2.2%)	1 (2.2%)	1 (2.2%)	5 (11.1%)	37 (82.2%)	4.96
9	Melakukan sujud syukur sebagai tanda syukur di atas kelahiran anak.	2 (4.4%)	3 (6.7%)	11 (24.4%)	12 (26.7%)	17 (37.8%)	3.84
10	Kelahiran anak disambut dengan penuh rasa gembira.	0	0	1 (2.2%)	3 (6.7%)	41 (91.1%)	4.8
11	Mendoakan bayi yang baru lahir dengan doa yang baik.	0	0	1 (2.2%)	2 (4.4%)	42 (93.3%)	4.91
Jumlah Min Keseluruhan							4.49

Hasil kajian mendapati, terdapat dua amalan yang mempunyai nilai skor min paling tinggi iaitu amalan mengazankan bayi setelah dilahirkan dan amalan memberi nama yang kepada anak, dengan nilai skor min 5.00 bagi setiap satu amalan tersebut. Ini menunjukkan masyarakat Islam Brunei sangat peka dan menitikberatkan tentang kedua-dua amalan ini. Kelazimannya bayi lelaki akan diazankan di kedua-dua belah telinganya manakala bayi perempuan akan diiqamatkan. Biasanya, bapa atau datuk bayi tersebut akan melakukan amalan ini.

Berikutnya, nilai skor min yang kedua tinggi adalah bagi amalan mengkhitan anak dengan nilai skor min 4.98. Adat bersunat bagi bayi perempuan lazimnya dilakukan ketika bayi itu masih kecil iaitu beberapa hari selepas atau sekurang-kurangnya ketika berumur setahun atau lebih. Adat ini akan dijalankan oleh bidan. Antara alat yang digunakan ialah bedak langir,

tepung tawar, daun sambung, abu dan sebilah pisau tajam. Dimulakan dengan niat dan berselawat, bidan memotong kelentit tersebut menggunakan pisau nipis yang tajam. Kemudian mengeluarkannya menggunakan kapas. Sesudah itu, bayi tersebut dimandikan dengan bedak langir pada badan bayi tersebut. Namun begitu untuk kanak-kanak lelaki biasanya berkhatan pada usia 4 hingga 7 tahun.

Diikuti dengan amalan mendoakan bayi yang lahir dengan doa yang baik dengan nilai skor min 4.91. Ini menunjukkan majoriti masyarakat Islam Brunei menyambut kelahiran anak dengan penuh rasa gembira dan mendoakan doa yang baik kepada bayi yang baru lahir.

Seterusnya, amalan yang keempat tertinggi dengan nilai skor min 4.84 iaitu amalan mentahnikkan kurma atau air madu ke langit bayi. Amalan sunnah Rasulullah ini dimulakan dengan membacakan surah Al-Fatihah dan surah Al-Ikhlas. Ia diikuti dengan langkah mencecap atau merasakan sedikit air madu ke langit mulut bayi tersebut. Amalan ini dijalankan oleh ayah, atau orang-orang soleh sebagai mengambil berkat.

Kemudian, nilai skor min yang kelima tinggi dengan bacaan 4.8 adalah bagi amalan menyambut kelahiran anak dengan penuh rasa gembira. Manakala, nilai skor min yang keenam adalah 4.29 iaitu tentang mengetahui perkara-perkara sunnah yang dianjurkan oleh Islam dalam menyambut kelahiran bayi.

Seterusnya, nilai skor min bagi amalan melaksanakan aqiqah pada hari ke tujuh kelahiran atau sebelum anak baligh adalah 4.06. Di sini jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat Islam Brunei turut mengamalkan majlis aqiqah pada hari ke tujuh kelahiran atau sebelum anak baligh bagi merealisasikan amalan-amalan sunnah Nabi Muhammad S.A.W dalam kehidupan mereka ketika menyambut kelahiran anak-anak mereka yang baru.

Diikuti dengan nilai skor min 4.04 bagi amalan mencukur keseluruhan rambut bayi. Rambut bayi akan di gunting sedikit secara bergilir-gilir oleh setiap orang yang hadir pada majlis cukur rambut dan dimasukkan ke dalam kelapa. Bilangan orang yang menggunting rambut bayi tersebut hendaklah dalam bilangan yang ganjil, iaitu tiga, lima, tujuh dan seterusnya. Setelah selesai pihak lelaki menjalankan acara menggunting, pihak perempuan pula mengambil alih. Setelah selesai kedua-dua pihak menjalankan adat bercukur barulah kepala bayi tersebut dicukur sepenuhnya oleh bidan atau sesiapa sahaja yang boleh melakukannya. Kesemua rambut yang dicukur akan dimasukkan ke dalam kelapa.

Manakala, nilai skor min yang kesembilan adalah 3.89 bagi amalan melakukan sujud syukur sebagai tanda mensyukuri kelahiran anak mereka.

Akhir sekali, nilai skor min yang paling rendah adalah 3.06 bagi amalan mencukur rambut bayi yang setelah itu ditimbang dan disamakan dengan beratnya dengan nilai perak atau emas, kemudian disedekahkan jumlahnya kepada fakir miskin.

Secara keseluruhannya, analisis tentang pemahaman dan pengamalan responden yang terdiri daripada masyarakat Brunei berkaitan amalan-amalan sunnah dalam menyambut kelahiran bayi menghasilkan jumlah min keseluruhan sebanyak 4.49. Jumlah min keseluruhan tersebut memberikan interpretasi data yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Brunei majoritinya masih lagi tahu dan mengamalkan amalan sunnah dalam menyambut kelahiran bayi. Amalan sunnah Nabi S.A.W yang diamalkan oleh masyarakat Islam Brunei telah menjadi suatu adat dalam menyambut kelahiran bayi di samping terdapat beberapa unsur-unsur penambahan daripada amalan-amalan sebenar Rasulullah S.A.W.

Amalan-amalan Tradisi Dalam Menyambut Kelahiran Bayi dalam Masyarakat Brunei

Jadual 8.0: Dapatan Dan Analisis Data Berdasarkan Amalan-amalan Tradisi Dalam Masyarakat Brunei Menyambut Kelahiran Bayi.

Perkara	1	2	3	4	5	Min
1 Mengadakan majlis 'mandi belawat' bagi kelahiran anak.	5 (11.1%)	2 (4.4%)	13 (28.9%)	10 (22.2%)	15 (33.3%)	3.60
2 Melakukan acara 'papat jambul' pada anak.	14 (31.1%)	9 (20%)	11 (24.4%)	4 (8.9%)	7 (15.6%)	2.62
3 Mengamalkan tradisi 'berpantang 40 hari' setelah melahirkan.	2 (4.4)	0	8 (17.8%)	7 (15.6%)	28 (62.2%)	4.29
4 Bayi diberikan tangkal/ azimat seperti meletakkan paku, gunting, buku surah Yaasin dan	19 (42.2%)	6 (13.3%)	16 (35.6%)	1 (2.2%)	3 (6.7%)	2.22

KETAMADUNAN ISLAM DAN ADAT RESAM: KAJIAN AWAL TERHADAP
PENERAPAN AMALAN-AMALAN SUNNAH DALAM MENYAMBUT
KELAHIRAN BAYI

sebagainya.

5	Bayi memakai benang hitam atau kuning yang telah dibacakan ayat-ayat jampi.	35 (77.8%)	7 (15.6%)	2 (4.4%)	0	1 (2.2%)	1.36
Jumlah Min Keseluruhan							2.82

Hasil kajian mendapati bahawa amalan tradisi masyarakat Islam Brunei dalam menyambut kelahiran bayi yang mempunyai skor min tertinggi sebanyak 4.29 adalah amalan tradisi ‘berpantang 40 hari’ setelah melahirkan. Tradisi berpantang 40 hari ini selalunya berkait rapat dengan amalan penjagaan kesihatan para ibu setelah bersalin. Demikian, tidak hairan jika tradisi ini masih diamalkan oleh kebanyakan para ibu.

Kemudian, amalan tradisi yang mempunyai nilai skor min yang kedua tinggi sebanyak 3.60 adalah amalan mengadakan majlis ‘mandi belawat’ bagi kelahiran anak. Lazimnya, upacara ini dilakukan apabila menyambut kelahiran anak yang pertama sahaja.

Seterusnya, nilai skor min yang ketiga tinggi sebanyak 2.82 adalah upacara ‘papat jambul’ pada anak. Upacara ‘papat jambul’ diadakan dengan menjemput saudara-mara terdekat sahaja. Walaupun upacara ini, hanya diamalkan oleh sebilangan masyarakat pada masa kini, namun ianya tidak mempunyai sebarang percanggahan dengan ajaran Islam.

Setelah itu, nilai skor min yang keempat sebanyak 2.22 adalah amalan memberikan tangkal azimat seperti meletakkan paku, gunting, buku surah Yaasin dan seumpamanya.

Terakhir, nilai skor min yang terendah sebanyak 1.36 adalah amalan memakaikan bayi benang hitam atau kuning yang dibacakan ayat-ayat jampi. Benang hitam atau benang kuning yang dipakaikan kepada bayi dibacakan ayat jampi dengan harapan agar mereka terhidar dari malapetaka ataupun penyakit. Perkara seperti ini adalah perbuatan yang boleh membawa kepada syirik.

Umumnya, dari analisis data jumlah min keseluruhan menghasilkan sebanyak 2.82 yang memberikan interpretasi data yang sederhana. Ini membuktikan bahawa sebahagian amalan tradisi masyarakat Brunei yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam masih diamalkan oleh masyarakat Islam Brunei dan meninggalkan yang sebaliknya. Demikian itu, menunjukkan

ketamadunan masyarakat Islam Brunei telah mengalami perubahan dan berkembang luas. Masyarakat Islam Brunei kini menolak keras dan meninggalkan kepercayaan dan amalan nenek moyang yang bercanggah dengan aqidah Islam.

PERBINCANGAN

Amalan-amalan sunnah yang diadatkan didapati kebanyakannya telah ditokok tambah dengan adat dan budaya masyarakat Islam Brunei yang tidak menunjukkan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam. Umum mengetahui bahawa masyarakat Brunei-Melayu beragama Islam, maka amalan sunnah ini tidak akan lupus dalam proses menyambut kelahiran bayi. Antaranya ialah azan dan iqamat yang mana dapat membentuk peribadi bayi menjadi anak yang soleh dan solehah. Islam menganjurkan umatnya agar segera memperdengarkan azan dengan suara yang rendah di telinga kanan dan iqamah di telinga kiri. Hal yang sedemikian telah diriwayatkan oleh Abu Dawud dan Tirmidhzi²³ melalui oleh Abi Rafi' dengan mafhumnya:

أَدَّنَ فِي أُذُنِ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ حِينَ وَلَدَتْهُ فَاطِمَةُ بِالصَّلَاةِ

“ Saya telah melihat Rasulullah S.A.W. melafazkan azan ke telinga Hassan bin Ali sebaik sahaja Fatimah melahirkannya”.²⁴

(Riwayat Abu Dawud dan al-Tirmidhzi)

Sabda Rasulullah S.A.W lagi:

" مَنْ وُلِدَ لَهُ مَوْلُودٌ فَأَدَّنَ فِي أُذُنِهِ الْيُمْنَى، وَأَقَامَ فِي أُذُنِهِ الْيُسْرَى رُفِعَتْ عَنْهُ أُمَّ الصَّبِيَّاتِ "

Maksudnya:

“Sesiapa yang dikurniakan cahaya mata dan diazankan pada telinga kanannya dan iqamah pada telinga kirinya, nescaya dia tidak akan mendapat apa-apa mudarat dari “Ummu al-Sibyan”.²⁵

(Riwayat al-Baihaqi)

Kalimah Allah Maha Besar merupakan kalimah pertama yang didengari oleh bayi agar pengaruh azan ini dapat meresap ke dalam dirinya. Di samping itu,

²³ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad Ibn Abi Bakar, (1983), Tuhfat al-Mawdud Bi-Ahkam al-Mawdud, al-Qaherah: al-Maktab al-Thaqif Lil al-Nasr Waal Tanzi, h.21.

²⁴ Sajistani, al-Imam al-Haffiz Abu Dawud Sulayman (1988), Sunan Abu Dawud, Qaherah: Dar-al-Hadith, Abwab al-Naum, Bab fi al-Shobiy Yulad fayuzan fi Udzunihi .No. Hadith 5105, Tirmidhzi, Sunan al-Tirmidhzi, c.l.Madinat al-Munawwarah, Abwab al-Adhahiy, Bab al-Adzan fi udzni al-Maulud, No. hadith 1514.

²⁵ Al-Baihaqi (2003), Syu'bul Iman, Riyadh: Maktabah Al-Rsyd. no. Hadith 8254.

azan juga berupaya mengusir syaitan yang memang menantikan kelahiran bayi tersebut. Azan dan iqamat yang diperdengarkan akan dirakam oleh bayi berkenaan yang menjadi sebahagian dari pendidikan tauhid dan akhlak.

Nabi mentahnik kanak-kanak menggunakan tamar atau sesuatu yang manis seperti madu atau air sahaja.²⁶ Apabila mengharapakan keberkatan di majlis tahnik dengan mengundang orang soleh tidaklah dilarang di sisi syara' bahkan merupakan perkara yang disunatkan.²⁷ Ini kerana sahabat pernah melakukan perbuatan sedemikian untuk mendapat keberkatan daripada Rasulullah atau para sahabat yang lain. Antara hadith yang menerangkan tentang amalan bertahnik ini ialah:

Daripada Abu Musa al-Asy'ari berkata:

"وُلِدَ لِي غُلَامٌ، فَأَتَيْتُ بِهِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَسَمَّاهُ إِبْرَاهِيمَ، فَحَنَنْكُهُ بِتَمْرَةٍ، وَدَعَا لَهُ بِالْبَرَكَةِ،
وَدَفَعَهُ إِلَيَّ"

“Aku baru sahaja dikurniakan seorang anak, lalu aku membawanya menemui Nabi Muhammad S.A.W. Baginda menamakannya Ibrahim, kemudian mengunyah buah tamar hingga lumat dan meletakkan kunyahan tersebut ke mulut anakku serta mendoakan keberkatannya padanya. Setelah tu Baginda menyerahkannya kembali kepadaku”.²⁸

(Riwayat Bukhari dan

Muslim)

Amalan berselawat yang diamalkan di majlis tahnik merupakan perkara bid'ah jika diamalkan secara berterusan walaupun pada asalnya selawat kepada junjungan digalakkan namun setelah dijadikan adat, dibimbangi ianya akan dianggap sebagai sunnah nabi pula sedangkan ianya tidak sedemikian. Namun begitu, jika ianya dilakukan sebaliknya iaitu bukan berterusan maka tiada larangan untuk mengharamkannya kerana memenuhi tuntutan Islam agar umatnya sentiasa berselawat ke atas junjungan kita Rasulullah S.A.W. Amalan bertahnik dapat menjadikan bayi tersebut petah berkata-kata. Amalan ini merupakan sunnah Rasulullah S.A.W. Sinonim dengan amalan ini, masyarakat Kaum Melayu-Brunei berpendapat bahawa manisan yang dirasai oleh bayi

²⁶ Al-Asqalani, h. 53-55.

²⁷ AL-San'ani (1985), Syarh Bulugh al-Maram, jld.4, cet.2. Misr: Mustafa al-Halabi, h. 136.

²⁸ Al-Bukhari (1422), Shahih al-Bukhari, Damsyiq: Dar Tuq al-Najah, Jld.7. Kitab al-Aqiqah, Bab Tasmiyah al-Mawluud Ghadah Yuladu liman lam ya'uq anhu wa tahnikuhu. No. hadith 54667.

sewaktu berusia 7 hari mampu melahirkan kanak-kanak yang bersopan santun dari segi percakapan.

Seterusnya, amalan mencukur keseluruhan kepala bayi dilakukan oleh ibu bapa masih lagi diamalkan oleh masyarakat Islam Brunei. Perbuatan mencukur keseluruhan rambut bayi di kepala boleh menguatkan dan merangsangkan sel-sel kepala. Setelah rambut dicukur, liang-liang roma akan terbuka dan dengan mencukur rambut juga boleh menguatkan pacaindera seperti daya penglihatan, daya hidu dan daya pendengaran. Diriwayatkan di dalam sebuah hadith oleh Salman bin Amir al-Dabbi bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda: ²⁹.

“مع الغلام عقيقته فأهرقوا عنه وأميطوا عنه الأذى”

(Riwayat al-Bukhari)

Ini bertujuan untuk membuang rambut bayi yang terkena darah rahim ibu ketika dilahirkan kerana dikhuatiri boleh mendatangkan penyakit kepada si bayi tersebut. Rambut bayi yang dicukur, ditimbang dan disamakan dengan nilai perak atau emas, kemudian disedekahkan kepada fakir miskin. Masyarakat Islam Brunei masih mengamalkan amalan bersedekah ini.

Selain itu, masyarakat Islam Brunei lebih suka menggunakan cara yang paling ringkas untuk anak mereka selagi mana mempunyai maksud yang baik. Namun ada juga dikalangan mereka yang bertanyakan kepada ustaz-ustaz tentang erti nama setelah kedua-dua pasangan menemuinya. Sekiranya dipandang baik maka diterima pakainya. Sabda Rasulullah S.A.W:

"إِنَّكُمْ تُدْعَوْنَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِأَسْمَائِكُمْ، وَأَسْمَاءِ آبَائِكُمْ، فَأَحْسِنُوا أَسْمَاءَكُمْ"

bermaksud: “Sesungguhnya, pada hari kiamat kelak, kamu akan dipanggil dengan nama-nama kamu dan nama-nama bapa kamu, jadi pilihlah nama-nama yang elok”. (Riwayat Abu Dawud)³⁰

Justeru, ibu bapa perlulah mengelakkan daripada memberikan nama yang buruk kepada anak mereka. Nama yang buruk boleh menggugat kemuliaan anak itu serta boleh menyebabkan dia dicela dan dihina. Ini menunjukkan betapa pentingnya menamakan anak dengan sebaiknya kerana Islam tidak membataskan hanya bagi mereka yang dilahirkan hidup sahaja

²⁹ Al-Bukhari (1422), Shahih al-Bukhari. Jld.7, Kitab al-Aqiqah, Bab Imathoh al-Adza ‘an Shobiy fi al-Aqiqah. No. Hadith 5471.

³⁰ Abu Dawud. Sunan Abi Dawud, Beirut: Maktabah al-‘Ashriah .Jld 2. no hadith 4948, Ibn Qayyim, Syam al-Din Abdullah Muhammad Ibn Bakr al-Zirai al-Dimasqi (1990), Zad al-Maad, fi Huda Khair al-Ibad, jld.2, cet.2. Beirut: Muassasat al-Risalat, h.334, al-Nawawi, Sahih Muslim, jld.14, h.291.

bahkan bayi yang meninggal dunia ketika di dalam janin ibu pun juga dituntut supaya diberikan nama sebagaimana mereka yang dilahirkan hidup.

Amalan pemilihan nama anak, aqiqah dan khatan lebih menjurus kepada amalan-amalan sunnah yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W., para sahabat dan juga para tabi'in. Dari segi syarak, aqiqah membawa pengertian menyembelih ternakan pada hari ke tujuh selepas anak dilahirkan. Orang Islam yang berkemampuan disunatkan menyembelih ternakan seperti kambing, lembu atau kerbau sebagai aqiqah anak yang baru lahir. Seorang anak disunatkan beraqiqah sekali sahaja seumur hidup. Terdapat syarat-syarat tertentu dalam memilih haiwan untuk aqiqah dan jumlah ternakan untuk aqiqah juga berbeza mengikut jantina bayi. Bagi bayi lelaki aqiqahnya ialah dua ekor kambing dan seekor kambing bagi bayi perempuan. Kemudian, daging kambing tersebut disembelih dan dimasak untuk dijamu oleh tetamu yang hadir. Orang Islam yang berkemampuan disunatkan menyembelih ternakan seperti kambing, lembu atau kerbau sebagai aqiqah anak yang baru lahir. Seorang anak disunatkan beraqiqah sekali sahaja seumur hidup. Terdapat syarat-syarat tertentu dalam memilih haiwan untuk aqiqah dan jumlah ternakan untuk aqiqah juga berbeza mengikut jantina bayi. Bagi bayi lelaki aqiqah nya ialah dua ekor kambing dan seekor kambing bagi bayi perempuan. Kemudian, daging kambing tersebut disembelih dan dimasak untuk dijamu oleh tetamu yang hadir. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ali bin Abu Talib r.a.:

عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْحَسَنِ بِشَاةٍ، وَقَالَ: "يَا فَاطِمَةُ، اخْلُقِي رَأْسَهُ، وَتَصَدَّقِي بِرِزْقِهِ
فِضَّةً"

Maksudnya: “ Rasulullah S.A.W. mengaqiqahkan kambing untuk Hassan kemudian berkata kepada Fatimah, cukurlah rambut kepalanya dan bersedekah mengikut kadar berat rambutnya dengan sukatan perak”.³¹

Amalan Aqiqah mampu menggalakkan seseorang itu bersedekah. Binatang yang disembelih kemudian dimasak dan dihidangkan kepada tetamu, melahirkan rasa untuk berkongsi rezeki dan ini menggalakkan pemberi untuk bersedekah kepada penduduk kampung tanpa mengira umur dan status ekonomi.

Berkhatan atau dengan kata lainnya khitan atau bersunat di dalam masyarakat Islam Brunei berbeza mengikut jantina. Bagi kanak-kanak lelaki, mereka dikhatan semasa disekolah rendah. Ibu bapa lebih gemar untuk mengkhatankan anak mereka di klinik-klinik swasta dimana mereka akan menempah terlebih dahulu waktu untuk dikhitankan anak-anak mereka.

³¹ Al-Tirmidzi, Sunan Al-Tirmidzi, Mesir: Maktabah wa Matba'ah Mushtofa al-Baabi al-Halbi, Jld 4. H 99. Al-Baihaqi, Sunan Al-Kubra. Jld 9. H 503.

Manakala kanak-kanak perempuan dikhitankan semasa berumur di dalam lingkungan tujuh hari atau lebih sedikit. Bersunat/berkhitan mampu mengelakkan diri bayi perempuan daripada penyakit, seperti, menghalang pengumpulan kuman di sekeliling klitoris (kelentit) dan menjaga kepentingan seksual ketika bayi menjelang dewasa apabila berumah tangga.

Masyarakat Islam Brunei menyambut kelahiran bayi dengan melakukan sujud syukur dan penuh rasa gembira dengan anak yang dilahirkan samada lelaki ataupun perempuan kerana semuanya itu adalah kurniaan dan takdir Ilahi. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “ Bagi Allah jualah hak milik segala yang ada di langit dan di bumi, Dia menciptakan apa yang dikehendakiNya. Dia mengurniakan anak- anak perempuan kepada sesiapa yang Dia kehendaki.Dan mengurniakan anak-anak lelaki kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Atau Dia mengurniakan kepada mereka kedua-duanya anak lelaki dan perempuan. Dan Dia juga menjadikan sesiapa yang Dia kehendakinya mandul. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa.” (Surah al-Syura (42): 49). Melahirkan rasa gembira perlu meliputi setiap anak yang dilahirkan samada lelaki ataupun perempuan. Sebagai umat Islam sepatutnya kita menghidupkan sunnah yang mulia ini supaya dengannya hubungan di antara sesama mukmin akan menjadi lebih rapat dan erat lagi. Masyarakat Islam Brunei juga mendoakan bayi yang baru dilahirkan dengan doa yang baik-baik supaya anak tersebut sentiasa sihat dan dilindungi Allah dari segala kejahatan dan keburukkan.

Majlis mandi belawat diadakan untuk ibu yang melahirkan anak sulung dan kebiasaannya majlis ini diadakan selepas 40 hari tempoh waktu berpantang. Ibu dan anak akan memakai kain tenunan di mana si ibu yang diraikan memakai pakaian seperti pengantin, manakala anaknya pula akan dipakaikan dengan baju baru dan disalut dengan kain jong sarat pada majlis tersebut. Majlis mandi belawat diadakan sebagai tanda kesyukuran dan proses peralihan kepada status baru sebagai seorang ibu.

Dalam menyentuh persoalan adat papat jambul dikalangan masyarakat Brunei pula didapati tiada sebarang unsur yang menunjukkan bahawa masyarakat tersebut telah mengamalkan amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Majlis Papat jambul diadakan selepas 7 hari bayi dilahirkan. Bunga Telur dan duit syiling diberikan kepada kumpulan marhaban dan tetamu yang hadir di majlis cukur jambul. Upacara ini dilakukan sewaktu majlis cukur jambul dijalankan. Tujuan upacara ini dilaksanakan adalah menghargai dan tanda terima kasih kepada tetamu yang sudi hadir ke majlis cukur jambul. Kebiasaannya, pihak tuan rumah akan memberi bunga telur dan juga duit syiling 20 sen sebagai sedekah daripada ibu bapa bayi tersebut kepada tetamu yang hadir dengan harapan doa dan berkat untuk bayi mereka. Selain itu, tali silaturrahim juga dapat dipupuk dalam majlis cukur jambul. Pada hari tersebut,

mereka bergotong-royong melakukan persediaan majlis. Amalan ini secara tidak langsung dapat melahirkan rasa tanggungjawab dan kasih sayang dalam komuniti masyarakat Melayu-Brunei. Jamuan selepas majlis tersebut sebenarnya adalah sebagai sumbangan kecil kepada mereka yang memberi khidmat kepadanya. Ini merupakan adab kesopanan masyarakat Melayu dahulu kala terhadap tetamu yang akan datang untuk menolong menyelesaikan masalah mereka. Sekiranya tetamu yang datang menolong mereka kemudian dibiarkan meninggalkan rumah mereka tanpa dihidangkan sesuatu makanan jua adalah dianggap suatu keaiban bagi mereka

Majoriti masyarakat Islam Brunei berpantang selama 40 hari. Kesihatan ibu perlulah dijaga dari saat mengandung sehinggalah selepas bersalin. Kesihatan yang seimbang akan memulihkan semangat hidup seorang ibu dengan bayi yang dilahirkannya. Oleh itu, si ibu mengamalkan pantang makan makanan yang terlalu panas dan terlalu sejuk untuk menjamin kesihatan selepas bersalin. Kebanyakan buah-buahan dan sayur-sayuran adalah 'sejuk' dan akan menyebabkan perut yang kembang menjadi kejang dan melambatkan rahim mengecut. Air pun dianggap sejuk dan jika diminum berlebihan mungkin menyebabkan perut kembung dan melambatkan proses pengecutan rahim. Semasa dalam pantang, ibu-ibu tidak digalakkan makan makanan yang berminyak kerana kurang baik untuk pencernaan. Selain itu juga, makanan yang berbisa untuk badan juga menjadi pantang untuk si ibu kerana makanan itu dipercayai bukan sahaja melambatkan proses pemulihan tetapi memudaratkan kesihatan ibu dan bayi. Disamping itu juga, si ibu perlu berpantang mengadakan hubungan kelamin dalam tempoh masa berpantang. Ini kerana mengadakan hubungan kelamin terlalu awal selepas melahirkan anak akan menimbulkan rasa tidak selesa pada seorang wanita, selain dari gangguan kesihatannya, wanita mungkin akan berasa cepat letih dan tidak bermaya.

Amalan tradisi masyarakat Brunei seperti memberikan tangkal/ azimat seperti meletakkan paku, gunting, buku surah Yaasin dan memakai benang hitam atau kuning yang telah dibacakan ayat-ayat jampi pada bayi yang dilahirkan semakin kurang diamalkan oleh masyarakat Islam Brunei. Ini kerana hukum mengenai pemakaian azimat dan tangkal adalah harus selagi tidak mengandungi syirik. Namun begitu, kepercayaan bahawa pemakaian azimat dan tangkal kepada anak yang mudah terkena sesuatu penyakit atau musibah agar terhindar daripada penyakit atau malapetaka adalah syirik. Ini kerana percaya kepada sesuatu itu mampu mendatangkan manfaat atau musibah dengan sendirinya tanpa merujuk kepada ketentuan Allah. Sedangkan apabila dilihat berdasarkan pencapaian ilmu perubatan moden serta kajian yang lebih mendalam mendapat semuanya itu berpunca daripada kuman-kuman di dalam badan. Hakikat yang sebenarnya jampi dan azimat yang tidak menentu dan bermacam-macam itu tidak ada sebarang hubungan dengan penyakit dan bukan

pula cara untuk menyembuhkannya. Bahan-bahan tersebut diguna pakai oleh orang jahiliah kerana mereka mempunyai anggapan dan kepercayaan bahawa benda-benda tersebut dapat melindungi atau menyembuhkan mereka dari sesuatu penyakit atau malapetaka. Kebiasaannya mereka menggantungkan benda tersebut di leher atau selainnya bagi tujuan berkenaan.³² Terdapat hadith Rasulullah S.A.W yang melarang perbuatan seperti itu dengan sabdanya:³³

إِنَّ الرُّقْيَ، وَالتَّمَائِمَ، وَالتَّوَلَةَ شِرْكَ

Maksudnya:

‘Sesungguhnya jampi, tangkal azimat dan ilmu guna-guna adalah syirik’.

Menurut Fawri, perbuatan syirik perlulah dihapuskan.³⁴ Pendapat ini dikuatkan lagi dengan hadith yang diriwayatkan oleh al-Tarmidhzi, sabda Rasulullah S.A.W:³⁵

Walaupun bagaimanapun, mengubati penyakit dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran sebagai azimat dibenarkan, malah digalakkan kerana al-Quran mempunyai kuasa mukjizat yang tersendiri.³⁶

KESIMPULAN

Kesimpulannya, ajaran Islam terbukti memberi impak dan pengaruh besar kepada masyarakat dan tamadun Dunia Melayu Islam. Pengamalan adat-adat menyambut kelahiran dalam masyarakat Islam Brunei dapat dikenalpasti. Tahap kefahaman agama dikalangan responden tentang amalan menyambut kelahiran yang dianjurkan oleh Islam adalah sangat baik. Yang jelasnya adat-adat yang berhubungkait dengan sunnah Rasulullah S.A.W masih diamalkan oleh masyarakat Islam Brunei. Walaupun begitu, adat-adat yang sering dikaitkan dengan sesuatu kepercayaan tertentu menunjukkan pengurangan. Demikian juga di dalam merumuskan amalan-amalan sunnah yang telah diadatkan oleh masyarakat Islam Brunei merupakan suatu amalan yang murni yang perlu diterapkan kepada generasi-generasi baru dengan syarat tidak menjadikan suatu amalan-amalan tersebut suatu perkara yang wajib atau mesti

³² Muhammad bin Ab. Wahab, Al-Jame al-Farid, h.54.

³³ Imam Ahmad, jld. 4, no.hadith 219.Abu Dawud, Sunan Abi Dawud. Jld 4, h 9. Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Jld 2. H 1166

³⁴ Fawri (1981), Kanzu al-ummal Fi Sunani al-Aqwal wa Af'al, jld.3, Beirut: Dar-al Halab, h 817.

³⁵ Al-Tirmidhzi, no.hadith 2027.

³⁶ Ahmad bin Muhammad bin Abu Bakar al-Khatib al-Qasthallani, (1982), Al-Mawahib Al-Ladunyah Bil Manahil al-Muhammadiyah, jld 2, h.58. Abi al-Tayyib Muhammad al-Syams al-haq al-Azm Abadi, Un al-Ma'bud syarah Sunan Abi Dawud, jld 10, h. 98, al-Nawawi, Syarah Sahih Muslim, h.86.

diamalkan oleh setiap daripada mereka. Demikian itu, tidak dapat dinafikan lagi bahawa proses pengislamisasi di Brunei masa kini turut memberi kesan ke atas sikap dan amalan masyarakat berkenaan. Adalah diharapkan dengan hasil dapatan kajian yang dikemukakan ini akan dapat menyumbang ke arah memperjelaskan situasi sebenar masyarakat tersebut.

BIBLIOGRAFI

- 'Abd Allah Nasih 'Ulwan, (1893), *Tarbiyat Awlad Fi-Islam*, Juz 1, Beirut: Dar al Salam.
- Al-Bukhari (1422), *Shahih al-Bukhari*. Damsyiq: Dar Tuq al-Najah.
- Abu Dawud Sulayman (1988), *Sunan Abu Dawud*, Qaherah: Dar-al-hadith.
- Al-Baihaqi (2003), *Syu'bul Iman*, Riyadh: Maktabah Al-Rsyd
- Ahmad bin Muhammad bin Abu Bakar al-Khatib al-Qasthallani (1982), *Al-Mawahib*
Al-Ladunnyah Bil Manahil al-Muhammadiyah, jld 2.
- Abi al-Tayyib Muhammad al-Syams al-haq al-Azm Abadi, *Un al-Ma'bud syarah Sunan*
Abi Dawud, jld 10.,
- Ahmad Rafei Ayudin(1994), *Menyambut Kelahiran Zuriat*, cet. 2. Kuala Lumpur: al-Kuthar.
- Al-Aini, Badr al-Din Abu Muhammad Ibn Ahmad, (t.t), *Umdah al-Qari*,*Syarah al-Bukhari*, Jld.2,al-Qaherah: Dar al-Fikr.
- Al-Albani, Muhamad Nasr al-Din (1985), *Salsilah al-Ahadith al-Sahihat*, Jld.2, cet.1.
Dasyiq: Maktbah al-Islamiyah.
- Tirmidhzi, *Sunan al-Tirmidhzi*, c.1.Madinat al-Munawwarah.
- Al-Misr, Nasy'at (1989), *Menyambut Kedatangan bayi*, Kuala Lumpur: Syarikat S.
Abdul Majeed.
- Al-San'ani (1985), *Syarh Bulugh al-Maram*, jld.4, cet.2. Misr: Mustafa al-Halabi.
- Amran Kaimin (1995), *Penjagaan bayi dan ibu dalam pantang*, cet.1.Kuala Lumpur:
Dinie Publisher.
- Anas Ibn Malik (1999), *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Dewan Bahasa Dan Pustaka , Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Fawri (1981), *Kanzu al-ummal Fi Sunani al-Aqwal wa Af'al*, jld.3, Beirut: Dar-al Halab,

- Hamidah Abdul Wahab (2013), “*Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak*”, *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 1(1)
- Hans J. Daeng (2008), *Manusia Kebudayaan dan Lingkungan*. cet. 3, Yogyakarta:
Pustaka Pelajar.
- Hasim Awang AR (1988), *Fenomena*, Sri Penerbitan Jab. Pengajian Melayu, cet.1.bil 6.
- Hasim Awang. AR, (2000), *Keuzuran dan Kesihatan*, cet.1. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ibn al-Qudamah (1982), Al Mughni, Mesir: Al- Jumhuriyah al-Arabiah, cet. 2, jld.7.
- Ibn Qayyim, Syam al-Din Abdullah Muhammad Ibn Bakr al-Zirai al-DIimasqi (1990),
Zad al-Maad, fi Huda Khair al-Ibad, jld.2, cet.2. Beirut: Muassasat al-Risalat.
- Syeikh Abu Bakar Jabir, Al-Jazairi (1986), *Aqidah al-Mu'min*.
- Ibn Hajar al-‘Asqalani (1995), *Fath al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari*, jilid 9, cet.1.Qaherah: Dar al-Riyan li al-Thurath
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad Ibn Abi Bakar (1983), *Tuhfat al-Mawdud Bi-
Ahkam al-Mawdud*, al-Qaherah: al-Maktab al-Thaqif Lil al-Nasr Waal Tanzi.
- Ibn Qayyim al-Jawzi (1995), *Tuhfat al-Mawdud Bi Ihkami al-Mawlund*, cet.1. Beirut:
Dar-al-Khair.
- Al-Dahlawi, Abd.Allah ‘Abd Rahim (1984), *Hujjat Allah al- Balighat*, Tahqiq: Syed Sabiq, jld.2,cet.2. Qaherah: Dar Kutud al-Hadith.
- Kamus Dewan edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- M.Abdul Mujieb, Mamruri Tholhah dan Syafi’ah Am (1997) *Kamus Istilah Fiqih*, ,
Advance Publicition,
- M. Talib (1991), *Nilai Laki-laki dalam Islam*, cet. Yogyakarta: Pustaka LSI-Pustaka al- Khawthar.
- Mohd Anuar Ramli , (2006) “*Instrumen ‘Urf Dan Adat Melayu Sebagai Asas Penetapan Hukum Semasa Di Malaysia*”, *Jurnal Pengajian Melayu*, 17.
- Muhammad bin Ab. Wahab, *Al-Jame al-Farid*.
- Norazit Selat. (1989). *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan

Pustaka.

Norsaleha Mohd Salleh (2018). *Living Hadis Sebagai Fenomena Sosial Budaya*

Indoensia: Satu Sorotan Literatur Secara Sistemik. Kertas kerja dalam

pembentangan 5th International Research Management & Innovation Conference Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Umma Farida Umma Farida (2013). *Pemikiran Fazlur Rahman Tentang Sunnah dan*

Hadis. Jurnal ADDIN. Vo.7. No.2.

Wan Zailan Kamaruddin Bin Wan Ali & Ahmad Zuhdi Bin Ismail, *Masyarakat Muslim*

Di Negara Brunei Darussalam: Kajian Mengenai Isu dan Cabaran Dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi,